



Headline: DeeJay pusat hiburan rugi RM419,050 jadi mangsa Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 14 December 2021

Page: 17

# DeeJay pusat hiburan rugi RM419,050 jadi mangsa Macau Scam

**Johor Bahru:** Seorang deeJay pusat hiburan kerugian RM419,050 selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam berkaitan tunggakan bil telefon.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Johor, Asisten Komisioner Amran Md Jusin, berkata mangsa seorang wanita berusia 45 tahun membuat laporan polis berhubung kejadian itu di Balai Polis Taman Pelangi, di sini, kelmarin.

Katanya, mangsa menerima panggilan telefon daripada lelaki tidak dikenali yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Telekom Malaysia pada 1 Disember lalu.

“Lelaki itu mengatakan nama mangsa akan disenarai hitam kerana tunggakan bil telefon belum dijelaskan dan akan menghubungi pengadu semula.

“Mangsa kemudian meneri-

ma panggilan telefon daripada wanita memperkenalkan diri sebagai ‘Inspektor Ling’ daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuantan yang memaklumkan boleh membantu pengadu membuat laporan polis secara dalam talian,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Amran berkata, polis palsu itu kemudian mengarahkan mangsa membuat pemindahan wang ke akaun diberikan atas alasan untuk siasatan dan wang itu akan dikembalikan selepas siasatan selesai.

Katanya, mangsa membuat 58 transaksi pindahan wang berjumlah RM419,050 ke lapan akaun pelbagai bank antara 2 hingga 9 Disember lalu.

“Mangsa menyedari dirinya ditipu selepas gagal menghubungi Inspektor Ling selepas bayaran dibuat,” katanya.